

Hampir 90 pelajar ijazah lanjutan UMS dari Sabah

Oleh JAILANI HASAN

KOTA KINABALU: Hampir 90 peratus daripada pelajar Ijazah lanjutan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini adalah pelajar dari Sabah, kata Naib Canselor universiti itu, Datuk Dr Abu Hassan Othman.

"Berdasarkan polisi yang kita ada, masih banyak perkara yang perlu dilakukan. Adalah tidak benar, pelajar Sabah diketepikan seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak," katanya ketika di temui *Harian Ekspres*.

Abu Hassan Othman berkata, proses pengambilan pelajar baru ke universiti itu sentiasa dikendalikan secara adil sejak pengambilan pertamanya lima tahun lalu.

Katanya, dalam pengambilan berkenaan, bilangan pelajar Sabah adalah yang teramai sekali.

"UMS tidak pernah mengamalkan sikap pilih kasih terutama terutama terhadap pelajar Sabah dalam soal pengambilan pelajar ke universiti itu," kata Abu Hassan.

Pada masa ini, sejumlah 6,155 pelajar sedang melanjutkan pelajaran di universiti berkenaan.

Semenanjut itu, Abu Hassan berkata, UMS akan terus berusaha mencapai objektifnya untuk menjadi univesiti bertaraf dunia dan ini boleh direalisasikan dengan adanya kemudahan berteknologi tinggi.

Katanya, UMS akan mendapat bantuan kewangan daripada Bank Pembangunan Islam melalui Kerajaan Pusat bagi melengkapkan universiti berkenaan dengan kemudahan moden.

Selain itu, Abu Hassan berkata, dengan penubuhan UMS, universiti itu sudah tentu mampu memenuhi ruang vakum terutamanya dalam aspek menyediakan sumber

tenaga mahir di Sabah.

"Kami yakin, UMS akan memainkan peranan penting melahirkan tenaga kerja mahir

dan berpengetahuan dalam pelbagai bidang industri di negeri ini dan negara secara keseluruhannya."

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Daily Express (Jumaat 14,7,2000)